

29 APR 2001

Abdullah - PAS

PAS TERENGGANU TIDAK MAMPU BANGUNKAN NEGERI, KATA TPM

KEPALA BATAS, 29 April (Bernama) -- Kerajaan PAS gagal membangunkan Terengganu kerana pemimpinnya tidak mampu merancang menangani masalah kewangan yang dihadapi negeri itu, kata Timbalan Perdana Menteri Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi.

Beliau berkata, PAS tidak mampu merancang pembangunan negeri itu setelah kerajaan pusat menyalurkan wang ihsan terus kepada rakyat di negeri itu.

Katanya, masih banyak rakyat yang miskin di negeri itu dan kerajaan PAS pula hanya memberi keutamaan kepada soal ibadah sahaja dan pemimpin parti itu seolah-olah lupa untuk berusaha mendapatkan "hassanah" di dunia.

Ketika merasmikan Persidangan Perwakilan Umno Bahagian Kepala Batas di sini hari ini, beliau berkata, PAS pernah melemparkan tuduhan bahawa Umno telah merampas wang ihsan daripada mereka dan Terengganu tidak dapat dibangunkan.

"Saya tidak kata ibadah itu tidak penting tetapi mereka lupa untuk berusaha mendapatkan "hassanah" di dunia dan jelas terbukti PAS Terengganu gagal memimpin negeri itu," katanya.

Abdullah, yang juga Ketua Umno Bahagian Kepala Batas, memberi contoh bagaimana Pulau Pinang dapat dimajukan oleh kerajaan pembangkang dari Parti Gerakan (walaupun dalam tempoh yang singkat) setelah kerajaan pusat menarik semula status pelabuhan bebas di negeri itu.

Katanya, pemimpin Gerakan pada masa itu, Tun Dr Lim Chong Eu berjaya memikirkan langkah-langkah pentadbiran yang berkesan dan sumber pendapatan baru negeri itu dengan membawa masuk sektor perindustrian serta menyertai kerajaan Barisan Nasional (BN) demi mahu memajukan negeri itu.

"Walaupun sudah tidak ada pelabuhan bebas cukai, Pulau Pinang masih mampu berjaya kerana adanya kemampuan berfikir dan merancang para pemimpinnya," katanya.

Beliau juga berkata, parti pembangkang seperti PAS dan DAP pernah mengecam langkah yang diambil Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad untuk memulihkan ekonomi negara semasa kegawatan dan menganggap tindakannya sebagai tidak betul.

"Bayangkanlah jika pada tahun itu terdapat pilihan raya dan melalui kempen-kempen, pembangkang ditakdirkan menang, sudah pasti mereka memberi laluan kepada Tabung Kewangan Antarabangsa (IMF) untuk "memulihkan" ekonomi negara."

"Lihatlah apa yang berlaku di negara-negara jiran apabila mereka membenarkan IMF untuk melaksanakan langkah-langkah pemulihan?," katanya.

Beliau mengingatkan rakyat supaya tidak mudah mahu menukar selera dan memberi kuasa kepada golongan yang belum terbukti boleh memerintah negara sedangkan memerintah Terengganu dan Kelantan sahaja sudah terbukti kegagalannya.

Beliau juga berkata, PAS memang ingin benar menawan kawasan Kepala Batas dan sering mengadakan ceramah yang mengandungi pembohongan, antaranya mereka boleh memerintah dengan lebih baik, yang bertujuan untuk menarik perhatian rakyat terutamanya orang Melayu.

Katanya, PAS tidak mungkin dapat memimpin Pulau Pinang kerana masyarakat Melayu di negeri ini merupakan kumpulan minoriti dan orang Melayu di negeri ini sedar bahawa melalui perjuangan Umno, mereka memperolehi kuasa dalam kerajaan negeri, yang diterajui oleh Parti Gerakan.

-- BERNAMA

ZU RI